

Lembaran Maklumat Produk – Surat Kredit-i

LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK

Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menerima kemudahan Surat Kredit-i. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat di dalam surat tawaran. Dapatkan penjelasan dari Bank Islam jika anda tidak memahami mana-mana bahagian di dalam dokumen ini atau syarat-syarat am.

Bank Islam Malaysia Berhad

Surat Kredit-i (LC-i)

<Tarikh>

1. Apakah kemudahan Surat Kredit-i ini?

- ✓ LC-i merupakan satu aku janji bertulis yang diberikan oleh pihak Bank atas permintaan anda sebagai Pembeli untuk membayar kepada Penjual sejumlah wang seperti yang dinyatakan di dalam LC-i dengan syarat bahawa Penjual/ Benefisiari mematuhi terma-terma dan syarat-syarat LC-i.
- ✓ LC-i boleh ditawarkan di bawah kontrak Wakalah dengan Ujrah dan juga di bawah kontrak Murabahah. Kemudahan LC-i diberikan untuk barangan dan perkhidmatan yang halal dan diperdagangkan di bawah pembiayaan perdagangan.

2. Apakah konsep/ kontrak Syariah yang digunakan?

- ✓ Sekiranya anda memilih LC-i (Wakalah) [Agensi], kontrak Syariah yang digunakan adalah Wakalah (Agensi) dengan Ujrah (Fi), iaitu kontrak di mana anda melantik Bank untuk bertindak sebagai ejen untuk membeli barangan bagi pihak anda dari Penjual dan anda berjanji untuk membayar harga belian tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui. Bank akan mengenakan caj untuk pengeluaran LC-i.
- ✓ Sekiranya anda memilih LC-i (Murabahah), LC (Murabahah) yang diberikan kepada pelanggan disokong oleh Produk Perdagangan lain seperti Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (TWCF-i) (Belian), Bil Terima-i (AB-i) (Belian) dan Tawarruq Perdagangan-i (TTQ-i) untuk memperoleh barangan berdasarkan kos tambah keuntungan.
Nota: Sila rujuk Lembaran Maklumat Produk yang berkenaan di laman web bank untuk maklumat lanjut.
- ✓ Kontrak Syariah sokongan lain yang terpakai ialah:

Wa'd – Perjanjian satu pihak yang merujuk kepada komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan.

3. Apa yang saya perolehi daripada produk ini?

✓ Jumlah Amaun Kemudahan	Hingga 100% daripada kontrak jualan/ nilai invoice proforma
✓ Tempoh	Bergantung kepada perjanjian antara Pembeli dan Penjual.
✓ Kadar komisen efektif Bank	0.1% sebulan daripada amaun LC-i. Tertakluk kepada jumlah minimum RM50. Nota: Sila rujuk/ lawati laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- ✓ Sebelum pengeluaran LC-i, anda diwajibkan membayar yuran dan/ atau menandatangani akaun LC-i ke dalam Akaun Semasa anda dengan Bank Islam seperti yang dinyatakan di dalam dokumen (jika berkenaan).

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- ✓ Duti Setem (seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989]).
- ✓ Yuran pengeluaran.
- ✓ Caj SWIFT.
- ✓ Bayaran Pos dan Perkhidmatan Kiriman Cepat (jika ada).
- ✓ Pembatalan kemudahan - anda harus membayar semua kos kepada Bank (jika berkenaan).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lebih lanjut mengenai fi dan caj.

6. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- ✓ Jika anda gagal untuk memenuhi tanggungjawab anda tepat pada masanya:-
 - **Sekiranya berlaku kemungkiran, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:**
 - a. Bank boleh melalui notis bertulis kepada anda, meminta anda membuat pembayaran segera terhadap jumlah tertunggak sama ada daripada anda dan / atau penjamin;
 - b. Bank berhak untuk menolak sebarang baki kredit dalam akaun deposit anda atau akaun lain yang diuruskan oleh Bank untuk menyelesaikan pembayaran tertunggak di bawah kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - c. Bank berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap anda jika anda gagal bertindak terhadap peringatan dan/ atau notis tuntutan. Bank akan menggunakan haknya atas sebarang cagaran yang telah diberikan kepada pihak Bank dan anda akan menanggung segala kos yang berkaitan. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan jumlah pembiayaan. Tindakan undang-undang terhadap anda boleh memberi kesan kepada penarafan kredit anda yang membawa kepada penilaian kredit yang lebih sukar atau mahal untuk anda di masa hadapan; dan
 - d. Mencetuskan kemungkiran bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank.
 - **Pembayaran Lewat**

Bank akan mengenakan Ta'widh (ganti rugi) ke atas anda seperti berikut (sekiranya berkenaan):

 - a. Sebelum tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan satu peratus (1%) setahun dikira ke atas tunggakan ansuran sehingga tarikh penyelesaian penuh.
 - b. Selepas tarikh matang kemudahan
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam dikira ke atas baki pembiayaan iaitu baki Harga Jualan Bank setelah ditolak Ibra' (jika ada).
 - c. Hutang selepas penghakiman
Jumlah yang bersamaan dengan kadar semasa semalaman harian Pasaran Wang Antara Bank Islam ke atas jumlah asas penghakiman dikira dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh.

Nota :

Pengenaan Ta'widh adalah dengan cara yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia dari semasa ke semasa.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

- ✓ Ianya bergantung kepada terma-terma yang dipersetujui oleh anda dan penjual anda. Namun begitu, anda atau penjual anda dinasihatkan untuk melanggan perlindungan Takaful yang sesuai.

8. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- ✓ Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, Bank Islam mungkin memerlukan penjamin atau cagaran bagi membolehkan anda untuk menghantar permohonan.

9. Apakah risiko utama?

- ✓ Pembayaran kepada Benefisiari atau penerimaan LC-i hanya berdasarkan penyerahan dokumen sepatutnya dan tiada pengesahan ke atas kualiti dan kuantiti barangan akan dibuat. Ini adalah kerana Bank berurusan dengan dokumen sahaja.

10. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat perhubungan saya?

- ✓ Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat perhubungan anda bagi memastikan anda menerima semua surat tepat pada masanya.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan tebus rugi?

- ✓ Jika anda menghadapi kesukaran untuk membuat penyelesaian kemudahan, anda perlu menghubungi pihak Bank seawal mungkin untuk berbincang berkenaan dengan pilihan pembayaran. Anda boleh menghubungi kami di:-

Operasi Perdagangan***Bank Islam Malaysia Berhad***

Tingkat 13, Menara Bank Islam

No. 22, Jalan Perak

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-2782 1078/ 1089/ 1087/ 1086

Faks: 03-2782 1346

- ✓ Untuk membuat aduan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan***Bank Islam Malaysia Berhad***

Tingkat 17, Menara Bank Islam

No 22, Jalan Perak,

50450 Kuala Lumpur

Tel.: 03-26 900 900

Faks: 03-2782 1337

E-mel: contactcenter@bankislam.com.my

- ✓ Untuk PKS, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan secara percuma perkhidmatan dan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan hutang. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 5 dan 6,
Menara Bumiputra Commerce
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Tel.: 603 -2616 7766
Faks: 603 -2616 7601
Laman web: akpk.org.my

- ✓ Jika anda tidak berpuas hati dengan jawapan kami terhadap soalan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia melalui LINK atau TELELINK di:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50480 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks: 03-2174 1515
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- ✓ Sebarang maklumat lanjut mengenai LC-i, sila rujuk cawangan-cawangan kami atau hubungi:

Pusat Panggilan dan Khidmat Pelanggan
Bank Islam Malaysia Berhad
Tingkat 17, Menara Bank Islam,
No. 22, Jalan Perak,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 03-26 900 900
E-mel: contactcenter@bankislam.com.my
www.bankislam.com

13. Apakah pakej kemudahan perdagangan lain yang disediakan?

1. Tawarruq Perdagangan-i
2. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Belian)
3. Pembiayaan Modal Kerja Perdagangan-i (Jualan)
4. Surat Pemindahan Kredit-i
5. Jaminan Perkapalan-i
6. Jaminan Bank-i
7. Bil Terima-i (Jualan)
8. Bil Terima-i (Belian)
9. Bil Pertukaran Belian-i
10. Bil Berdokumen untuk Pungutan-i
11. Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i
12. Surat Kredit Persediaan-i

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL KE ATAS ANDA JIKA ANDA GAGAL MEMBUAT BAYARAN BAGI KEMUDAHAN ANDA.



Nota:

1. Maklumat di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Keuntungan dan/ atau caj mungkin berbeza dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat Bank Islam.
2. Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sah dari 29/12/2021.

Pengesahan Penerimaan oleh Pelanggan

.....

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Tarikh: